

**SEJAUH MANAKAH KEBERKESANAN  
BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT,  
IPOH MENANGANI MASALAH  
KEBAKARAN**

**OLEH**

**ENCIK ABDUL RAZAK BIN DARUS ( 95870328 )**

**CIK ZAHHA BT. MOHD. NOR ( 95870303 )**

**“KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI  
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM”**

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
SRI MANJUNG, PERAK  
TAHUN 2000**

## PENGHARGAAN

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Profesor Madya Mohd. Fauzi bin Mohd. Harun, Pensyarah Kertas Projek dan juga sebagai pemeriksa kertas projek ini atas tunjuk ajar, bimbingan, pandangan serta ulasan yang diberikan dalam menyiapkan kertas projek ini. Kesungguhan dan keikhlasan beliau membimbing kami tanpa jemu sehingga siapnya kertas projek ini amat kami hargai dan sanjungi. Penghargaan ini juga kami tujukan kepada Pegawai-Pegawai dan anggota-anggota Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Perak Darul Ridzuan amnya dan Balai Bomba Dan Penyelamat, Ipoh khasnya dalam membantu kami secara langsung mahupun tidak langsung dalam mendapatkan segala maklumat yang diperlukan. Kerjasama yang diberikan memudahkan kami untuk meneruskan kajian ini. Terima kasih juga kepada pihak-pihak lain yang terlibat secara tidak langsung dalam memberikan komitmen kepada kami.

- i. Abdul Razak bin Darus
- ii. Zahiha bt. Haji Mohd. Nor

Tarikh : 1 Oktober 2000

## SINOPSIS

Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Malaysia diletakkan dibawah Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan. Tugasnya merangkumi pepadaman dan penyelamatan. Tujuannya untuk menjaga keselamatan negara dari ancaman bahaya api disamping bertindak sebagai pasukan penyelamat dalam apa juga bencana. Hasil dari ini satu kajian dibuat dengan menganalisis program-program yang dijalankan agar dapat satu pendekatan yang lebih baik tentang masalah yang diutarakan. Objektif utama kertas projek ini adalah untuk melihat sejauh mana Balai Bomba Dan Penyelamat, Ipoh dalam menangani masalah kebakaran. Di mana Balai Bomba Dan Penyelamat, Ipoh menjadi sasaran pengkaji untuk dibuat kajian, kerana pengkaji bertugas di balai berkenaan. Pengkaji juga berharap kertas projek ini boleh menjadi panduan kepada pengkaji-pengkaji lain amnya dan warga Bomba khasnya dalam membuat perancangan pada masa hadapan. Laporan kebakaran merupakan aset yang penting bagi pengkaji memperolehi maklumat kebakaran premis khasnya. Data-data diperolehi juga dengan cara primer dan sekunder. Penelitian yang dibuat didapati kadar kerugian akibat kebakaran premis yang melebihi RM 50 ribu adalah berkurangan pada tahun 1999. Ini menunjukkan satu langkah yang positif untuk terus membuat pemantauan pada masa akan datang. Namun begitu, program-program atau aktiviti-aktiviti Jabatan yang sedia ada perlulah dikemaskini dan hendaklah membuat perancangan yang lebih strategik dalam perancangan projek yang ingin dilaksanakan. Banyak aktiviti-aktiviti Jabatan yang dilancarkan seperti program-program kebakaran, penubuhan kadet bomba, bomba sukarela, kempen mencegah kebakaran, kebakaran sifar, kelab 3K dan sebagainya. Bagi menjayakan sesuatu program peruntukan kewangan adalah paling mustahak. Tanpa peruntukan yang mencukupi, walaupun sesuatu program itu baik tetapi ia tidak dapat diteruskan atau dilaksanakan dengan sepenuhnya dan hanya ala kadar sahaja, maka hasilnya atau 'output' adalah berkadar seimbang. Disamping itu penambahan dan keperluan alat pepadaman dan penyelamatan yang lebih canggih diperlukan. Tidak ketinggalan pengambilan pegawai / anggota baru bagi menampung kekurangan tenaga kerja dalam menghadapi sesuatu bencana atau tugas harian perlu diberi perhatian dan mengikut arus semasa.

## KANDUNGAN

	HALAMAN
HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
SINOPSIS ( BAHASA MALAYSIA )	iv
SINOPSIS ( BAHASA INGGERIS )	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI PETA	xi
SENARAI CARTA	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
<b>BAB</b>	
<b>I</b>	<b>PENDAHULUAN</b>
1.1	Pengenalan dan Pernyataan Masalah
1.2	Objektif Kajian
1.3	Metodologi
1.4	Hipotesis
1.5	Skop Kajian
	1
	3
	4
	6
	8

## **BAB I**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan dan Pernyataan Masalah**

Balai Bomba Ipoh telah didirikan pada tahun 1936, bertempat di Jalan Brewster (Jalan Sultan Idris Shah), Ipoh. Pada peringkat awalnya Pasukan Bomba telah diletakkan di bawah pentadbiran Kerajaan negeri masing-masing. Pada tahun 1957, Jemaah Pemeriksa Perkhidmatan Bomba telah ditubuhkan dan bertindak sebagai penasihat kepada Perkhidmatan Bomba Negeri serta Kerajaan Tempatan.

Pada tahun 1976, pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan telah dibuat melalui Akta A 354 di mana Perkhidmatan Bomba telah disatukan dibawah pentadbiran dan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Kedudukan Jabatan Bomba diperjelaskan di dalam Jadual Kesembilan, Senarai 1 iaitu di butiran 26. Ianya berkuatkuasa 1 Januari 1976 dan mulai dari saat itu Jabatan Bomba telah dikenali sebagai **JABATAN PERKHIDMATAN BOMBA MALAYSIA**, serta diletakkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Pada 6 Jun 1988, Jabatan Bomba telah diperuntukkan dengan suatu Undang-undang yang diberi nama Akta Perkhidmatan Bomba 1988 ( Akta 341 ) yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 1989.